



جابتن حال إحوال إكمام إسلام قولوا فينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH

# SYAABAN: PERSINGGAHAN MENUJU RAMADAN



Tarikh Bacaan:  
30 JANUARI 2026M / 11 SYAABAN 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# Syaaban: Persinggahan Menuju Ramadan

30 Januari 2026M/ 11 Syaaban 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا  
اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ سورة الحشر

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

PARA TETAMU JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**  
SEKALIAN,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya ketakwaan adalah sebaik-baik bekalan menuju kebahagiaan di dunia dan keselamatan di akhirat.

Ambillah kesempatan pada hari Jumaat yang penuh barakah ini untuk mendengar khutbah dengan hati yang hadir, lidah yang diam dan telinga yang fokus agar kita memperolehi manfaat daripada peringatan ini. Janganlah kita terleka dengan gajet, tidur dengan sengaja, atau berbual-bual sesama jemaah, kerana perbuatan itu bersalahan dengan



adab mendengar khutbah serta boleh mencatatkan pahala yang dijanjikan oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Khatib pada hari ini ingin mengajak diri sendiri dan sidang jemaah sekalian untuk menelusuri keindahan bulan yang sering dilupakan ramai, iaitu bulan Syaaban, menerusi khutbah bertajuk: **“Syaaban: Persinggahan Menuju Ramadan”**.

### **SIDANG JUMAAT SEKALIAN,**

Bulan Syaaban boleh diibaratkan sebagai stesen persinggahan rohani sebelum tibanya bulan Ramadan. Ia Adalah masa untuk memperkemas hati, memperkukuh amalan dan membersihkan diri daripada kelalaian sebelum melangkah ke bulan penuh keberkatan itu. Bulan Syaaban adalah antara bulan yang sangat dimuliakan oleh Rasulullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ*.

Saidatina A'isyah *رَضِيَ اللهُ عَنْهَا* menyatakan dalam sebuah hadis Riwayat Imam Al-Bukhari yang bermaksud:

*“Nabi tidak pernah berpuasa pada suatu bulan yang lebih banyak daripada bulan Syaaban. Baginda berpuasa pada bulan Syaaban seluruhnya”*.

Ketika mensyarahkan hadis ini, Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqolani *رَحِمَهُ اللهُ* menyatakan bahawa maksud bulan Syaaban seluruhnya Adalah Rasulullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* berpuasa pada sebahagian besar daripada keseluruhan bulan Syaaban. Hal ini menunjukkan betapa besar perhatian Rasulullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* terhadap bulan ini.

Selain menjadi medan menambah pahala, bulan Syaaban juga adalah peluang untuk melunaskan puasa qada' bagi sesiapa yang masih mempunyai hutang puasa Ramadan. Saidatina A'isyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا pernah meriwayatkan dalam sebuah hadis yang bermaksud:

*“Aku pernah mempunyai puasa wajib pada bulan Ramadan yang belum digantikan, dan aku tidak sempat menunaikan melainkan pada bulan Syaaban”.* (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Oleh yang demikian, marilah kita menjadikan bulan ini sebagai ruang memperbetulkan amalan dan menggantikan kekurangan ibadah yang lalu.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ pernah menjelaskan bahawa ramai manusia lalai terhadap bulan Syaaban kerana ia berada di antara dua bulan besar iaitu bulan Rejab dan Ramadan. Dalam hadis daripada Usamah bin Zaid رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا berkata yang bermaksud:

*“Ya Rasulullah, aku tidak pernah melihat kamu berpuasa pada bulan-bulan lain sebanyak engkau berpuasa pada bulan Syaaban?”*

Rasulullah bersabda: *“Itulah bulan yang manusia sering lalai daripadanya, iaitu bulan yang terletak di antara Rejab dan Ramadan. Dan itu juga bulan yang amalan-amalan diangkat kepada Allah Taala. Dan aku suka amalanku diangkat dalam keadaan aku berpuasa.*

(Hadis Riwayat Ahmad Dan An-Nasa'i)

Hadis ini menggambarkan betapa Rasulullah suka berpuasa pada bulan ini supaya ketika amal baginda diangkat kepada Allah, ia berada dalam keadaan sedang beribadah, khususnya berpuasa. Ia menunjukkan tanda kerendahan diri dan keikhlasan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Kita juga diseru agar memperbanyakkan amal soleh seperti puasa, sedekah, solat malam, membaca Al-Quran, memperbaiki hubungan sesama manusia dan memohon keampunan daripada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* pada bulan Syaaban. Hal ini adalah sebagai mengikuti jejak langkah baginda Rasulullah sebagaimana firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 80:

*مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّىٰ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ۗ*

Maksudnya: “Sesiapa yang mentaati Rasul, maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah. Dan sesiapa yang berpaling ingkar daripada ketaatan itu, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana Kami tidak mengutuskan engkau untuk menjadi penjaga ke atas mereka”.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Salah satu keistimewaan bulan Syaaban ialah kehadiran malam nisfu Syaaban, iaitu malam pertengahan bulan yang penuh dengan rahmat daripada Allah.

Terhadap hadis mengenai fadhilat malam nisfu Syaaban yang dianggap bertaraf hasan oleh sebahagian ulamak, walau ia telah didhaifkan oleh sebahagian ulamak lain. Hadis tersebut ialah:

يَطَّلِعُ اللَّهُ إِلَى خَلْقِهِ فِي لَيْلَةِ النُّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لَجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا  
لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاحِنٍ

Maksudnya: “Allah melihat kepada hamba-hambanya pada malam nisfu Syaaban maka dia ampuni semua hamba-hambanya kecuali orang yang syirik dan yang bermusuhan (orang yang benci-membenci)”

(Hadis Riwayat Ibnu Hibban, al-Bazzar dan lain-lain)

Maka, janganlah kita biarkan malam yang mulia ini berlalu tanpa taubat, istighfar dan doa. Tiada ibadah khusus yang ditetapkan untuk malam nisfu Syaaban, namun amal yang berasaskan dalil seperti membaca al-Quran, solat malam, berzikir dan beristighfar amatlah dianjurkan.

### MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Bulan Syaaban adalah waktu terbaik untuk membuat persiapan rohani menuju Ramadan. Ia bagaikan latihan awal untuk memperkukuh kekuatan iman dan istiqamah dalam amal. Jika kita mampu menghidupkan Syaaban dengan amal soleh, insya Allah kita akan lebih bersedia menyambut Ramadan dengan jiwa yang bersih dan hati yang tenang.

Mengakhiri khutbah, khatib ingin merumuskan kepada tiga perkara penting dalam menjadikan bulan Syaaban sebagai persinggahan ke bulan Ramadan.

**Pertama:** Syaaban adalah bulan yang istimewa dan penuh keberkatan. Umat Islam perlu menyedari nilainya serta menghidupkannya dengan amal soleh sebagaimana dicontohkan oleh Rasulullah ﷺ.

**Kedua:** Perbanyakkan amalan seperti puasa sunat, sedekah, membaca Al-Quran dan doa sebagai latihan rohani untuk menyambut kedatangan Ramadan dengan jiwa yang bersih.

**Ketiga:** Gunakan peluang malam nisfu Syaaban untuk memohon keampunan dan memperbaiki hubungan dengan Allah serta sesama manusia. Sesungguhnya Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** membuka seluas-luasnya pintu rahmat dan keampunan kepada hambanya yang bertaubat dan beramal pada bulan ini.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah Ali Imran ayat 133:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

Maksudnya: *“Dan segeralah kamu kepada keampunan Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa.”*

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزَنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa tidak menggandakan fidyah puasa bagi yang melangkai tahun adalah harus. Namun berpegang dengan Qaul muktamad Mazhab Syafie iaitu wajib menggandakan fidyah puasa adalah diutamakan.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
العَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيًّا خُصُوصًا وَوِلَايَةً قُولاو فِينِغَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا  
سَخَاءَ رَحَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,  
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'  
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;  
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan  
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan  
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta  
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri

Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG